

MAHATHIR-TAKLIMAT

1980

MELAKA, 25 APRIL (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN MALAYSIA KINI TERADA DI SATU PERINGKAT DI MANA IA BOLEH MENCAPAI KEMAJUAN YANG LUAR BIASA PERASAKAN KEDUDUKAN KEWANGANNYA YANG KUKUH.

KATANYA, NEGARA INI SEKARANG BERKEMAMPUAN MELAKSANAKAN SEBARANG PROJEK YANG DIFIKIRKAN PERLU KERANA MEMPUNYAI WANG YANG MENCUKUPI.

KADAR PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA PADA TAHUN 1978 TALAH 8 PERATUS BERBANDING DENGAN HANYA 5 PERATUS YANG DICAPAI OLEH JEPUN YANG DIANGGAP NEGARA PALING MAJU DI RANTAU INI.

TAMBAHNYA: +INI MEMBUKTIKAN BAHAWA MALAYSIA MEMILIKI PUNCA-PUNCA TENAGA UNTUK MENGGALAKKAN PERKEMBANGAN EKONOMI YANG LEBIH PESAT, KHUSUSNYA DI BIDANG PERINDUSTRIAN+.

TIMPALAN PERDANA MENTERI MEMERITAHU DEMIKIAN SELEPAS MENDENGAR TAKLIMAT MENGENAI BERBAGAI ASPEK PEMBANGUNAN DI SERI MELAKA DI SINI SEMENA LAWATAN RASMINYA SELAMA DUA HARI KE NEGERI MELAKA MULAI HARI INI.

MAJLIS TAKLIMAT ITU TELAH DISAMPAIKAN OLEH KETUA MENTERI ENCIK MOHAMED ADIB HAJI ADAM, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI HAJI ZAINAL ABIDIN BIN DATUK HAJI NORDIN DAN PEGAWAI KEMAJUAN NEGERI, ENCIK FAUZI ABDUL RAHMAN. --BERSAMBUNG 1514/BY

B543

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGESYORKAN SUPAYA KERAJAAN NEGERI BERUSAHA Mencari sumber-sumber air di bawah tanah bagi mengatasi masalah kekurangan air untuk tanaman padi.

Beliau menyatakan usaha seumpama itu sedang dijalankan di Kedah di mana air boleh didapati kira-kira antara 200 hingga 300 kaki di bawah tanah.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian mengumumkan bahawa kerajaan pusat akan menambah jumlah bantuan kepada para peniaga kecil di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Menurut beliau, jumlah yang diterikan kelak akan melebihi \$30 juta yang diperuntukkan dalam tempoh Rancangan Pembangunan sekarang.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan bantuan tersebut adalah sejajar dengan matlamat kerajaan hendak menolong seberapa yang boleh golongan dhaif yang sepatutnya menikmati semua kemewahan yang terdapat di negara ini.

Beliau menerangkan masalah-masalah yang dialami oleh golongan peniaga kecil bukan sahaja setakat mendapatkan tempat untuk berniaga.

+BANYAK LAGI MASALAH YANG PERLU DIATASI YANG TERKEHENDAKKAN SATU SIKAP BERTANGGUNGJAWAB, DEDIKASI DAN JUJUR DARIPADA PARA PEGAWAI KERAJAAN.+ UJARNYA. -- SERSAMPUNG 1517/1Y

1544

MAHATHIR-TAKLIMAT 3 MELAKA

Beliau yakin segala rintangan boleh diatasi jika semua pegawai dan ahli-ahli politik berganding bahu dan memahami tanggungjawab masing-masing dalam memenuhi aspirasi rakyat.

Ketua Menteri dalam taklimatnya berkata harapan kerajaan negeri bagi mencapai pembangunan yang pesat bergantung kepada tiga projek besar yang sedang dirancang oleh kerajaan pusat.

Projek-projek tersebut ialah kilang minyak Petronas yang boleh mewujudkan kira-kira 30,000 peluang pekerjaan, sebuah pengkalan balak di Tanjung Keling dan Lebuhraya Utara-Selatan sepanjang 106 batu dari

SEREMBAN KE AIR HITAM MELALUI SIMPANG EMPAT DAN JASIN.

KATANYA, DARI SEGI LOKASI MELAKA TERLETAK DI SATU TEMPAT YANG MERUGIKAN.

+INI IALAH KERANA MELAKA BERADA DI TITIK PERTENGAHAN ANTARA KAWASAN PERINDUSTRIAN PASIR GUDANG DI JOHOR DAN LEMBAH KELANG.

+AKIBATNYA, BAKAL-BAKAL PELABUR KERAP MEMILIH ANTARA KEDUA-DUA TEMPAT ITU DAN TERUS MENGENEPIKAN NEGERI INI+.

ENCIK ADIB BERHARAP JABATAN PENERBANGAN AWAM DAPAT MENINGKATKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG TERDAPAT DI LAPANGAN TERBANG BATU BERENDAM SUPAYA BOLEH MANRIK LEBIH RAMAI PELABUR ASING MENANAM MODAL DI NEGERI INI. --BERSAMPUNG 1521/PY

MAHATHIR-TAKLIMAT 4 MELAKA

HAJI ZAINAL ABIDIN PULA MEMBERITAHU BAHAWA KERAJAAN NEGERI MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA PERTANIAN, PERINDUSTRIAN DAN PELANCUNGAN DALAM MELAKSANAKAN PROJEK-PRJEK PEMBANGUNAN.

DALAM BIDANG PERTANIAN SEBANYAK 23,000 EKAR AKAN DITANAM DENGAN PADI DUA MUSIM MANAKALA 10,000 EKAR LAGI DITANAM DENGAN PADI SEMUSIM DAN TANAMAN KONTAN.

ENCIK FAUZI BERKATA SEBANYAK \$25 JUTA AKAN DIDELANJAKAN UNTUK PROJEK BEKALAN AIR DI DURIAN TUNGGAL PERINGKAT KEDUA. JIKA SIAP NANTI SEBANYAK 8 JUTA GELEN AIR SEHARI DAPAT DIBEKALKAN KEPADA PENGGUNA-PENGGUNA DI SELURUH NEGERI INI.

SEBELUM ITU, KETIBAAN DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH DISAMBUK DI LAPANGAN TERBANG BATU BERENDAM OLEH KETUA MENTERI, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, HAKIM DATUK WAN YAHYA PAWANTEH, SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI, DATUK HAJI ABDUL AZIZ BIN TAPA DAN ISTERI MASING-MASING.

DI SAMPING ITU KIRA-KIRA 5,000 ORANG RAKYAT NEGERI INI JUGA MENGALU-ALUKAN KETIBAAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN ISTERINYA.

UPACARA ITU DISERIKAN DENGAN PALUAN KOMPANG DAN TABURAN BUNGA MAWAR. -- BERSAMBUNG 1557/LK

MAHATHIR-TAKLIMAT 5 MELAKA

30

ROMBONGAN PELAWAT ITU KEMUDIAN BERTOLAK KE RUMAH TETAMU DI BUKIT SEBUKOR DIIRINGI OLEH KETUA MENTERI DAN SPEAKER.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN BERSEMBAHYANG JUMAAT DI MASJID TENKERA DAN DISERTAI OLEH DATIN SERI DR. HASMAH DI MAJLIS MAKAN TENGAH HARI DI SERI MELAKA BERSAMA-SAMA YANG DIPERTUA NEGERI, TUN SYED HAJI ZAHIRUDDIN BIN SYED HASSAN DAN TOH PUAN HAJJAH HALIMAH.

PETANG INI, MEREKA AKAN BERTOLAK KE ALOR GAJAH DAN KEMUDIAN MELAWAT LADANG KELAPA SAWIT SRI LINGGA SDN. BHD. DI KUALA LINGGI. -- BERNAMA 1600/LK